

Seni silat Melayu mungkin pindah ke Barat

WUJUDNYA sebuah pertubuhan pencak silat atau seni silat ber taraf antarabangsa belum dirasai sepenuhnya oleh rakyat Malaysia, meskipun Sidang Umum Pertama Persekutuan Pencak Silat Antarabangsa (Persilat) diadakan di Kuala Lumpur pada 7 hingga 9 Julai lalu.

Untuk itu, sudah sampai masanya semua pihak termasuk kerajaan, pertubuhan silat dan orang ramai sama-sama menggembleng tenaga memperkenalkan seni warisan bangsa Melayu itu di mata dunia.

21 AUG 1983
Kita harus buktikan bahawa bangsa Melayu juga ada seni yang boleh diperkenalkan ke semua negara, termasuk negara Barat.

Dalam ucapan perasmianya, Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Haji Awang Jabar, membayangkan bahawa pada tahun 2000 wilayah Asia-Pasifik akan menjadi tumpuan baru perdagangan antarabangsa yang menyebabkan paksi perindustrian dijangka berpindah ke kawasan Timur.

Sehubungan itu, sekali lagi kebudayaan Melayu akan menjadi perhatian dan tumpuan antarabangsa. Oleh itu, beliau menyarankan supaya seni silat Melayu dkekalkan dalam kebudayaan Melayu kerana kaitannya yang amat rapat dengan sistem sosial, politik dan budaya Timur.

Beliau juga menasihatkan guru-guru silat supaya bersikap lebih terbuka serta berpandangan positif mengenai seni silat membolehkannya bercambah dan berkembang ke peringkat antarabangsa.

S. Harlan (M)
Kerana ada semangat memperkenalkan seni silat Melayu ke peringkat antarabangsa, Persi-

ke Barat



Dua ahli silat 'bertarung' ketika berlatih

Oleh **TUAN ISMAIL TUAN SOH**

lat ditubuhkan di Jakarta pada tahun 1980. Pertubuhan persatuan itu diasaskan oleh tiga negara iaitu Indonesia, Malaysia dan Singapura.

Ketika itu Indonesia diwakili oleh Ikatan Pencak Silat Indonesia (IPSI), Singapura oleh Persekutuan Silat Singapura (Persis) dan Malaysia oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Malaysia (KKBS).

Dalam Persidangan Umum Pertama Persilat, Encik Aziz Deraman selaku Ketua Pengarah Kebudayaan di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, mewakili Malaysia. Beliau kemudian menyerahkan keanggotaan KKBS sebagai wakil Malaysia kepada Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka)

yang ditubuhkan pada 24 September 1983.

Penyertaan Pesaka diterima sebulat suara oleh perwakilan dari IPSI dan Persisi.

Persilat ditubuhkan berteraskan kepada tiga matlamat utama iaitu untuk menggali, mempertahankan dan mengembangkan seni silat sebagai warisan seni budaya yang bernilai tinggi dalam pembentukan jasmani yang kuat dan berkeperibadian; dan jiwa kesateria yang berbudi luhur.

Yang kedua ialah menyebarkan seni itu sebagai kegiatan sukan dan seni budaya di peringkat antarabangsa. Ketiga untuk melaksanakan dan mengaturkan kegiatan seni pencak silat di peringkat antarabangsa, sama ada dalam bentuk pertunjukan, pameran, pesta,

perbincangan, seminar mahu pun pertandingan, bagi meningkatkan pencapaian dan mutu seni silat.

Di peringkat antarabangsa, seni silat kini sudah bertapak kukuh di Australia, Amerika Syarikat, Sepanyol, Perancis, Jerman Barat, Belanda, Austria, Tanzania dan Yugoslavia.

Malah, pada 25 hingga 30 November 1984 mereka turut menyertai Kejohanan Silat Olahraga Peringkat Antarabangsa, di Jakarta, Indonesia. Dikatakan, hadiah bagi peserta terbaik dalam kejohanan itu dimenangi oleh ahli silat dari Perancis.

Oleh kerana minat mendalam yang ditunjukkan oleh bangsa-bangsa Eropah, Sidang Umum Pertama Persilat bersejajarnya setuju bahawa Kejohanan Silat Olahraga Peringkat Antarabangsa bagi tahun de-